



SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 1 TAHUN 1983

Tuan,

PENYELARASAN GAJI PEGAWAI-PEGAWAI YANG TERLIBAT DALAM PERTUKARAN KE DALAM SKIM-SKIM PERKHIDMATAN IJAZAH AM MENGIKUT LAPORAN JAWATANKUASA KABINET DI SABAH DAN SARAWAK

1. Tujuan

1.1 Tujuan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini ialah untuk melanjutkan pelaksanaan skim-skim perkhidmatan Ijazah (Kumpulan A) di Jabatan-jabatan Persekutuan Negeri Sabah dan Negeri Sarawak berasaskan kepada prinsip di dalam [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 23 Tahun 1977](#).

2. Pelaksanaan Dasar Penyatuan bersama-sama Penyemakan Gaji Laporan Jawatankuasa Kabinet

2.1 Tawaran opsyen bagi penyemakan gaji di bawah [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1978](#) di Negeri Sabah dan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1978](#) di Negeri Sarawak melibatkan penerimaan penyatuan sepenuhnya bagi perkhidmatan-perkhidmatan di bawah Jabatan-jabatan Persekutuan dan Jabatan-jabatan Yang Dipersekutukan di bawah skim-skim perkhidmatan yang berkenaan yang berkuatkuasa di Jabatan-jabatan Persekutuan di Semenanjung Malaysia. Sekelian pegawai yang berpindah ke tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan di bawah Pekeliling Perkhidmatan tersebut akan dimasukkan ke dalam skim-skim perkhidmatan yang berkuatkuasa dan diletakkan di bawah tadbiran Ketua Pengarah Jabatan berkenaan yang mempunyai kuasa untuk mengarahkan pertukaran pegawai-pegawai berkenaan untuk bertugas di mana-mana sahaja perkhidmatan pegawai itu diperlukan.

2.2 Perletakan pegawai-pegawai yang telah memilihterima tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan menurut Pekeliling Pekhormatan yang tersebut itu ke dalam skim-skim perkhidmatan Jabatan Persekutuan bersangkutan di Semenanjung Malaysia memerlukan penyelarasan dari segi perjawatan dan tugas-tugas yang disandang oleh perkhidmatan berkenaan.

3. Penubuhan Skim Perkhidmatan Ijazah Am

3.1 Laporan Jawatankuasa Kabinet Gaji Pekerja-pekerja Sektor Awam menubuhkan Skim-skim Perkhidmatan Ijazah dalam Kumpulan A sepertimana yang dilaksanakan di Semenanjung Malaysia melalui [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 23 Tahun 1977](#).

3.2 Skim-skim Perkhidmatan Ijazah dalam Kumpulan A (Lampiran-lampiran I "A" hingga I "O") telah diluluskan berkuatkuasa mulai dari tarikh-tarikh yang dinyatakan pada lampiran-lampiran berkenaan, mengandungi perkhidmatan-perkhidmatan yang berikut:

Pegawai Kanan Buruh	<u>Lampiran I "A"</u>
Pegawai Kanan Kebajikan Masyarakat					<u>Lampiran I "B"</u>
Pegawai Kanan Kebudayaan Belia dan Sukan							<u>Lampiran I "C"</u>
Pegawai Kanan Pembangunan Koperasi					<u>Lampiran I "D"</u>
Pegawai Kanan Penerbit Filem			<u>Lampiran I "E"</u>
Pegawai Kanan Perhubungan Awam					<u>Lampiran I "F"</u>
Pegawai Turus Kanan	<u>Lampiran I "G"</u>
Penguasa Kastam	<u>Lampiran I "H"</u>
Pegawai Perkhidmatan Pos			<u>Lampiran I "I"</u>
Pegawai Penerbitan Rancangan			<u>Lampiran I "J"</u>
Pegawai Kanan Terafik (Telekom)					<u>Lampiran I "K"</u>
Pegawai Kanan Penerangan		<u>Lampiran I "L"</u>
Pegawai Analisa Pengurusan			<u>Lampiran I "M"</u>
Pegawai Setor	<u>Lampiran I "N"</u>
Pegawai Kanan Perhubungan Masyarakat						...	<u>Lampiran I "O"</u>

3.3 Skim-skim perkhidmatan tersebut akan menggantikan skim-skim perkhidmatan yang berkuatkuasa di Jabatan Persekutuan di Negeri Sabah dan Sarawak sepertimana yang disenaraikan dalam Lampiran II. Mulai dari tarikh Surat Pekeliling Perkhidmatan ini semua pengambilan hendaklah mengikut skim perkhidmatan baru ini.

3.4 Skim perkhidmatan yang baru belum lagi dikeluarkan bagi Perkhidmatan Imigresen, Perkhidmatan Pendaftaran Negara, Pkhidmatan Pendaftaran Pertubuhan, Perkhidmatan Suruhanjaya Pilihanraya dan Perkhidmatan Pekerjaan dan Tenaga Rakyat. Pegawai-pegawai di jabatan berkenaan walau bagaimanapun adalah mempunyai kelayakan untuk berpindah ke tanggungaji bagi gred-gred skim ijazah menurut peraturan di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan ini.

4. Penempatan Pegawai Dalam Perkhidmatan ke dalam Skim Perkhidmatan Ijazah

4.1 Selaras dengan dasar di dalam [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 23 Tahun 1977](#), semua pegawai Persekutuan di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak, yang telah memilihterima opsyen di bawah [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1978](#) dan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1978](#), selain daripada Penolong Pegawai Perhubungan Akhbar, Jabatan Penerangan Malaysia, Sarawak dan pegawai-pegawai yang ditempatkan dari Semenanjung menurut arahan Ketua Jabatan, yang dilantik dan yang dinaikkan pangkat ke mana-mana jawatan yang "dijadualkan" di dalam [Lampiran III "A", III "B", III "C"](#) sebelum atau pada 1-1-78 adalah diselaraskan gaji dan tarafnya kepada gred tingkatan biasa atau gred kenaikan pangkat dalam skim-skim perkhidmatan yang berkenaan di dalam Lampiran I "A" hingga I "O" mengikut peraturan-peraturan di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan ini.

4.2 Pegawai yang dilantik atau dinaikkan pangkat selepas 1.7.78, tarikh pelaksanaan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1978](#) dan [Bil. 2 Tahun 1978](#) ke dalam mana-mana jawatan dijadualkan dalam [Lampiran III "A"](#) atas tanggagaji B 11 atau B9 hendaklah terus tinggal di atas tanggagaji yang ditawarkan dalam perlantikannya itu dan boleh dipertimbangkan bagi bertukar lantikan ke dalam Skim-skim Perkhidmatan Ijazah setelah memenohi syarat kelayakan yang ditetapkan oleh skim perkhidmatan berkenaan.

4.3 Penyelarasan gaji dan syarat tukar lantikan mengikut peraturan di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah istimewa untuk memudahkan susunan pentadbiran bagi pelaksanaan Skim-skim Perkhidmatan Ijazah di jabatan-jabatan tertentu dan tidak akan dilanjutkan ke lain-lain lantikan yang sudah atau yang baru. Pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah bersetuju supaya pertukaran perlantikan yang terlibat bagi pegawai yang memiliki Ijazah Am dari universiti-universiti yang diiktiraf dilaksanakan oleh Ketua Jabatan masing-masing. Perlu juga dijelaskan bahawa dengan terlaksananya penyelerasan gaji dan pertukaran lantikan yang dirancang di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, pegawai Persekutuan yang terlibat akan tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan skim perkhidmatan yang baru dikuatkuasakan. Nama-nama dan butiran-butiran mengenai pegawai yang telah memenohi syarat dalam perenggan 5.1 (b) di atas hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam supaya tindakan sewajarnya dapat diambil untuk meluluskan tukar khidmatan mereka itu.

4.4 Penyemakan semula jawatan-jawatan yang disandang oleh Pegawai Persekutuan berkenaan perlu dibuat supaya dapat dibeza-bezakan tanggungjawab dan beban kerja di antara gred-gred jawatan yang terlibat. Urusan penyusunan semula struktur organisasi dan pembahagian tugas juga perlu dijalankan dengan mengemukakan butiran-butiran mengenai jawatan yang terlibat dengan pemindahan ke gred-gred di dalam Perkhidmatan Ijazah mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan ini kepada Bahagian Perjawatan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Bahagian Anggaran, Perbendaharaan bagi membolehkan perubahsuaian dibuat terhadap jawatan-jawatan dan struktur organisasi yang berkenaan.

5. Pemindahan ke tanggagaji A22

5.1 Mana-mana pegawai dalam kumpulan jawatan yang dimaksudkan oleh perenggan 4.1 di atas yang telah berpindah ke tanggagaji B11 atau B9 mengikut [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1978](#) atau [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1978](#) hendaklah memiliki kelayakan berikut untuk menerima tanggagaji Tingkatan Biasa Perkhidmatan Ijazah A22: \$745-2005:

(a) memiliki Ijazah Am atau Ijazah Kepujian;

- (b) bagi mereka yang mempunyai kelayakan rendah daripada Ijazah Am yang telah disahkan dalam jawatan dan mempunyai 5 tahun pengalaman berkhidmat dalam jawatannya.

5.2 Dengan tidak menghiraukan tarikh kelulusan bertukar lantikannya, semua pegawai yang telah memenuhi syarat-syarat tersebut di perenggan 5.1 di atas pada 1-1-76 berpindah ke tanggagaji Tingkatan Biasa A22 itu mulai dari tarikh 1-1-76. Jika syarat-syarat kelayakan tersebut itu diperolehi atau dipenuhi selepas daripada 1-1-76, tarikh pemindahan ke tanggagaji A22 ialah dari tarikh syarat tersebut dipenuhi.

5.3 Pegawai Persekutuan yang dilantik selepas daripada 1-7-78 hendaklah tinggal dalam tanggagaji yang ditawarkan dalam lantikan mereka sehingga syarat yang tersebut di perenggan 5.1 di atas itu dapat ditunaikan untuk memperolehi kelayakan untuk bertukar lantikan kepada skim perkhidmatan yang berkenaan.

5.4 Pegawai yang menyandang sebarang jawatan yang dijadualkan dalam [Lampiran III "B"](#) dan [III "C"](#) yang dilantik ke tanggagaji A22 selepas 1-7-78, tarikh pelaksanaan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1978](#) dan [Bil. 2 Tahun 1978](#) akan terus tinggal di atas tanggagaji tersebut dan layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat menurut skim perkhidmatan yang berkenaan di Lampiran I "A" hingga Lampiran I "O".

6. Pemindahan ke tanggagaji A24

6.1 Pegawai dalam kumpulan berkenaan yang telah dipindahkan tanggagaji dari C4:\$940 x 40-1,110 atau C4-5: \$940 x 40-1,110/1,150 x 50-1,250 atau C5: \$1,150 x 40-1,250 ke tanggagaji B 11, B4 atau A22 menurut [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1978](#) atau [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1978](#) hendaklah berpindah ke tanggagaji Tingkatan Kanan A24: \$1,525 x 60-1,405 x 100-2,105 dalam skim yang berkenaan mulai dari pemindahannya ke tanggagaji (B 11, B4, A22) dahulu.

7. Penolong Pegawai Perhubungan Akhbar

7.1 Jabatan Penerangan Malaysia, Sarawak telah melaksanakan penyusunan semula struktur skim dalam Perkhidmatan Perhubungan Akhbar sebelum pelaksanaan penyemakan gaji di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet mulai 1-7-78. Pegawai Persekutuan yang menyandang jawatan Penolong Pegawai Perhubungan Akhbar di Jabatan Penerangan Malaysia, Sarawak yang telah berpindah ke tanggagaji B11 yang memenuhi kelayakan yang disyaratkan oleh perenggan 5.1 (a) atau 5.1 (b) di atas pada 1-1-78 adalah diselaraskan perlantikannya ke jawatan Penolong Pegawai Perhubungan Akhbar Tingkatan Biasa A22 mulai dari 1-1-78.

8. Sifir Pemindahan

8.1 Sifir-sifir dan contoh pemindahan gaji dari tanggagaji Suffian C1, 2, 3 kepada tanggagaji Jawatankuasa Kabinet B 11 dan B9 dan sekarang berpindah kepada tanggagaji Ijazah Am Tingkatan Biasa A22 adalah seperti di [Lampiran IV "A"](#). Sifir pemindahan bagi jawatan-jawatan disenarai [Lampiran III "B"](#) dan [Lampiran III "C"](#) adalah seperti di Lampiran-lampiran [IV "B"](#) (i) dan (ii) dan [IV "C"](#).

8.2 Syarat-syarat yang ada sekarang bagi menamatkan tempoh percubaan dengan jayanya hendaklah terus digunakan. Di mana sekatan-sekatan yang dilekatkan di dalam tanggagaji sekarang

sebagai Sekatan Peperiksaan, aturcara melangkahi sekatan-sekatan tersebut hendaklah mengikut syarat-syarat yang ditetapkan bagi tujuan itu. Pegawai yang telah disahkan di dalam perkhidmatannya tidak dikehendaki lagi berkhidmat dalam tempoh percubaan.

8.3 Seseorang pegawai dalam percubaan boleh terus menerima kenaikan gaji dalam baki tempoh percubaan itu. Di mana pemindahan atau kenaikan gaji itu menempatkan gaji pegawai itu terkeatas daripada sekatan percubaan/ sekatan peperiksaan pertama, maka sekatan itu hendaklah dianggap seolah-olah telah diubah ke hadapan. Kenaikan gaji seterusnya adalah tertakluk kepada syarat-syarat bahawa pegawai itu telah disahkan dalam jawatan mereka setelah memenohi semua syarat-syarat yang dikehendaki oleh skim perkhidmatan berkenaan.

9. Tarikh Kenaikan Gaji

9.1 Tarikh kenaikan gaji adalah tidak berubah kecuali dalam keadaan di mana 2 atau lebih matagaji atas susunan tanggagaji sekarang berpindah kepada satu matagaji atas susunan tanggagaji bersih baru. Tarikh kenaikan gaji bagi pegawai yang terkecuali itu adalah ditetapkan sepertimana yang dimaksudkan oleh perenggan 1 hingga perenggan 11 kepada Lampiran "C" [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 tahun 1978](#) dan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1978](#).

10. Kekananan

10.1 Tertakluk kepada perenggan 4 (i) [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1978](#), kekananan pegawai yang berpindah ke dalam Skim-skim Perkhidmatan Ijazah Am di bawah Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah atas asas tarikh mencapai syarat kelayakan seperti di perenggan 5.1 (a) dan 5.1 (b) di atas.

11. Tunggakan

11.1 Selepas dipindahkan ke tanggagaji A22, penyelarasan hendaklah dibuat ke tanggagaji baru di bawah [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1980](#). Tunggakan gaji bolehlah dibayar mulai 1-1-76 berdasarkan kepada perbezaan di antara perlaksanaan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1978](#), mengikut mana-mana yang berkenaan dahulu dengan perubahan di bawah Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dan seterusnya perbezaan di antara perlaksanaan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1980](#) dengan perubahan di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan ini.

12. Am

12.1 Jabatan ini berharap tuan dapat melaksanakan keputusan di atas dan jika terdapat sebarang kemusykilan, diharap dapat berhubung dengan Jabatan ini untuk mendapat penjelasan selanjutnya.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

NIK MUSA BIN NIK ABDULLAH,

Pengarah Bahagian Perjawatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

7hb Januari, 1983

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.
Semua Ketua Jabatan Persekutuan.
Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah.
Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak.

s.k.

Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Malaysia,
Jalan Cenderawasih,
Kuala Lumpur.

Pegawai Perjawatan Persekutuan Sarawak,
Pejabat Perjawatan Persekutuan Sarawak,
Tingkat 3, Bangunan Tunku Abdul Rahman,
Petra Jaya,
Kuching.

Pegawai Perjawatan Persekutuan Sabah,
Pejabat Perjawatan Persekutuan Sabah,
Tingkat 2, Wisma Persekutuan,
Jalan Mat Salleh,
Peti Surat 1840,
Kota Kinabalu, Sabah.

LAMPIRAN 1 "A"

SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI KANAN BURUH
(KEMENTERIAN BURUH DAN TENAGA RAKYAT)

TARIKH KUATKUASA: 1 hb Mei, 1981

KUMPULAN: "A"

Tingkatan	Tanggagaji
Tingkatan Biasa	A22: \$880 x 60-1,000/Sekatan Percubaan/ 1,120 x 60-1,360/Sekatan Kecekapan/ 1,480 x 60-1,840 x 100-2,140.
Tingkatan Kanan	A24: \$1,660 x 60-1,840 x 100-2,240.
Tingkatan Khas	A12: \$2,095 x 100-2,495.
Tingkatan Tertinggi "G"	A10: \$2,650 x 120-2,770.

1. Calon-calun lantikan terus hendaklah berumur tidak melebihi UMUR 40 tahun. UMUR
Calon-calun daripada pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap, termasuk mereka dalam percubaan hendaklah berumur tidak melebihi 50 tahun.
2. Calon-calun bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: KELAYAKAN
MASUK
 - (a) (i) Ijazah Sarjana Muda daripada Universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; ATAU
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian daripada Universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah \$1,000 sebulan); dan
 - (b) Lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
3. Lantikan dari masa ke semasa juga dibuka kepada Pegawai Buruh sedang PERLANTIKAN

berkhidmat yang telah:	PEGAWAI- PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT
(a) disahkan dalam jawatan;	
(b) berkhidmat selama tidak kurang dari-	
pada 5 tahun bagi mereka yang mempunyai Diploma dan 7 tahun bagi mereka yang mempunyai lain kelayakan.	
4. Permohonan-permohonan bagi lantikan hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.	PERMOHONAN
5. Calon-calon yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam percubaan di antara 1 hingga 3 tahun.	TEMPOH PERCUBAAN
6. Pegawai Kanan Buruh boleh dikehendaki mengikuti kursus latihan seperti yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan.	LATIHAN
7. Pegawai Kanan Buruh dalam percubaan adalah dikehendaki lulus Peperiksaan Perkhidmatan dan Peperiksaan Am Kerajaan sebelum tamat tempoh percubaan.	PEPERIKSAAN
8. Pegawai Kanan Buruh yang telah:	PENGESAHAN DALAM JAWATAN
(a) menamatkan tempoh percubaan dengan memuaskan;	
(b) lulus semua peperiksaan yang ditetapkan; dan	
(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan, adalah layak disahkan dalam jawatan.	
9. Pegawai Kanan Buruh yang telah:	SEKATAN KECEKAPAN
(a) disahkan dalam jawatan;	
(b) berkhidmat selama 1 tahun dengan gaji paling tinggi di bawah sekatan kecekapan; dan	
(c) mendapat Sijil Akuan dari Ketua Jabatan bahawa dari segi prestasi kerja dan kelakuannya ia telah menunjukkan potensi untuk maju dalam perkhidmatan seterusnya, adalah layak	

melangkah sekatan kecekapan.

10. Pegawai Kanan Buruh Tingkatan Biasa yang telah:

- (a) disahkan dalam jawatan;
- (b) berkhidmat selama tidak kurang daripada 5 tahun dalam jawatan tersebut; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan;

KENAIKAN
PANGKAT
KE TINGKATAN
KANAN

adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Kanan yang kosong.

11. Pegawai Kanan Buruh Tingkatan Kanan yang telah berkhidmat tidak kurang daripada 2 tahun dalam jawatan tersebut adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Khas yang kosong.

KENAIKAN
PANGKAT
KE
TINGKATAN
KHAS

12. Pegawai Kanan Buruh Tingkatan Khas yang membuktikan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Tertinggi "G" yang kosong.

KENAIKAN
PANGKAT
KE TINGKATAN
TERTINGGI "G"

13. Pegawai Kanan Buruh Tingkatan Tertinggi "G" yang membuktikan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Tertinggi yang lebih tinggi yang kosong dalam Perkhidmatan Kanan Buruh.

KENAIKAN
PANGKAT
KE TINGKATAN
TERTINGGI
YANG
LEBIH TINGGI

LAMPIRAN 1 "B"

SKIM PERKHIDMATAN

PEGAWAI KANAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
(KEMENTERIAN KEBAJIKAN AM)

TARIKH KUATKUASA: 1hb Mei, 1981

KUMPULAN: "A"

Tingkatan	Tanggungaji
Tingkatan Biasa	A22: \$880 x 60-1,000/Sekatan Percubaan/ 1,120 x 60-1,360/Sekatan Kecekapan/ 1,480 x 60-1,840 x 100-2,140.
Tingkatan Kanan	A24: \$1,660 x 60-1,840 x 100-2,240.
Tingkatan Khas	A12: \$2,095 x 100-2,495.
Tingkatan Tertinggi "G"	A10: \$2,650 x 120-2,770.

1. Calon-calun lantikan terus hendaklah berumur tidak melebihi UMUR 40 tahun. Calon-calun daripada pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap, termasuk mereka dalam percubaan hendaklah berumur tidak melebihi 50 tahun. UMUR
2. Calon-calun bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: KELAYAKAN
MASUK
 - (a) (i) Ijazah Sarjana Muda daripada Universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; ATAU
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian daripada Universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah \$1,000 sebulan);

(Keutamaan akan diberi kepada calon-calun yang mempunyai Ijazah dalam bidang Sains Kemasyarakatan atau Sosiologi atau lain-lain bidang yang sesuai yang ditetapkan oleh Kerajaan); dan

- (b) Lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
3. Lantikan, dari masa ke semasa juga dibuka kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat sedang berkhidmat yang telah:
- (a) disahkan dalam jawatan;
- (b) berkhidmat selama tidak kurang daripada 5 tahun bagi mereka yang mempunyai Diploma dan 7 tahun bagi mereka yang mempunyai lain kelayakan.
4. Permohonan-permohonan bagi lantikan hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
5. Calon-calon yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam percubaan di antara 1 hingga 3 tahun.
6. Pegawai Kanan Kebajikan Masyarakat boleh dikehendaki mengikuti kursus latihan seperti yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan.
7. Pegawai Kanan Kebajikan Masyarakat dalam percubaan adalah dikehendaki lulus Peperiksaan Perkhidmatan dan Peperiksaan Am Kerajaan sebelum tamat tempoh percubaan.
8. Pegawai Kanan Kebajikan Masyarakat yang telah:
- (a) menamatkan tempoh percubaan dengan memuaskan;
- (b) lulus semua peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan,
- adalah layak disahkan dalam jawatan.
9. Pegawai Kanan Kebajikan Masyarakat yang telah:
- (a) disahkan dalam jawatan;
- PERLANTIKAN
PEGAWAI-
PEGAWAI
SEDANG
BERKHIDMAT
- PERMOHONAN
- TEMPOH
PERCUBAAN
- LATIHAN
- PEPERIKSAAN
- PENGESAHAN
DALAM
JAWATAN
- SEKATAN
KECEKAPAN

(b) berkhidmat selama 1 tahun dengan gaji paling tinggi di bawah Sekatan Kecekapan; dan

(c) mendapat Sijil Akaun dari Ketua Jabatan bahawa dari segi prestasi kerja dan kelakuannya ia telah menunjukkan potensi

untuk maju dalam perkhidmatan seterusnya,

adalah layak melangkah Sekatan Kecekapan.

10. Pegawai Kanan Kebajikan Masyarakat Tingkatan Biasa yang telah:

KENAIKAN
PANGKAT
KE TINGKATAN
KANAN

(a) disahkan dalam jawatan;

(b) berkhidmat selama tidak kurang daripada 5 tahun dalam jawatan tersebut; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan,

adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Kanan yang kosong.

11. Pegawai Kanan Kebajikan Masyarakat Tingkatan Kanan yang telah berkhidmat tidak kurang daripada 2 tahun dalam jawatan tersebut adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Khas yang kosong.

KENAIKAN
PANGKAT
KE TINGKATAN
KHAS

12. Pegawai Kanan Kebajikan Masyarakat Tingkatan Khas yang membuktikan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Tertinggi "G" yang kosong.

KENAIKAN
PANGKAT
KE TINGKATAN
TERTINGGI "G"

13. Pegawai Kanan Kebajikan Masyarakat Tingkatan Tertinggi "G" yang membuktikan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Tertinggi yang lebih tinggi yang kosong dalam perkhidmatan Pegawai Kanan Kebajikan Masyarakat.

KENAIKAN
PANGKAT
KE TINGKATAN
TERTINGGI
YANG
LEBIH TINGGI

LAMPIRAN 1 "C"

SKIM PERKHIDMATAN

PEGAWAI KANAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
(KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN)

TARIKH KUATKUASA: 1hb Mei,
1981

KUMPULAN: "A"

	Tingkatan	Tanggungaji	
	Tingkatan Biasa	A22: \$880 x 60-1,000/Sekatan Percubaan/ 1,120 x 60-1,360/Sekatan Kecekapan/ 1,480 x 60-1,840 x 100-2,140.	
	Tingkatan Kanan	A24: \$1,660 x 60-1,840 x 100-2,240.	
	Tingkatan Khas	A12: \$2,095 x 100-2,495.	
	Tingkatan Tertinggi "G"	A10: \$2,650 x 120-2,770.	
1	Calon-calon lantikan terus hendaklah berumur tidak melebihi 40 tahun. Calon-calon daripada pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap, termasuk mereka dalam percubaan hendaklah berumur tidak melebihi 50 tahun.		UMUR
2.	Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:		KELAYAKAN MASUK
(a)	(i) Ijazah Sarjana Muda daripada Universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; ATAU		
	(ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian daripada Universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah \$1,000 sebulan); dan		
(b)	Lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.		
3.	Lantikan dari masa ke semasa juga dibuka kepada Pegawai Kebudayaan Belia dan Sukan sedang berkhidmat yang telah:		PERLANTIKAN PEGAWAI-PEGAWAI

- | | |
|--|---|
| <p>(a) disahkan dalam jawatan;</p> | <p>SEDANG
BERKHIDMAT</p> |
| <p>(b) berkhidmat selama tidak kurang daripada 5 tahun bagi mereka yang mempunyai Diploma dan 7 tahun bagi mereka yang mempunyai lain kelayakan.</p> | |
| <p>4. Permohonan-permohonan bagi lantikan hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.</p> | <p>PERMOHONAN</p> |
| <p>5. Calon-calon yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam percubaan di antara 1 hingga 3 tahun.</p> | <p>TEMPOH
PERCUBAAN</p> |
| <p>6. Pegawai Kanan Kebudayaan Belia dan Sukan boleh dikehendaki mengikuti kursus latihan seperti yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan.</p> | <p>LATIHAN</p> |
| <p>7. Pegawai Kanan Kebudayaan Belia dan Sukan dalam percubaan adalah dikehendaki lulus Peperiksaan Perkhidmatan dan Peperiksaan Am Kerajaan sebelum tamat tempoh percubaan.</p> | <p>PEPERIKSAAN</p> |
| <p>8. Pegawai Kanan Kebudayaan Belia dan Sukan yang telah:</p> | <p>PENGESAHAN
DALAM
JAWATAN</p> |
| <p>(a) menamatkan tempoh percubaan dengan memuaskan;</p> | |
| <p>(b) lulus semua peperiksaan yang ditetapkan; dan</p> | |
| <p>(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan,</p> | |
| <p>adalah layak disahkan dalam jawatan.</p> | |
| <p>9. Pegawai Kanan Kebudayaan Belia dan Sukan yang telah:</p> | <p>SEKATAN
KECEKAPAN</p> |
| <p>(a) disahkan dalam jawatan;</p> | |
| <p>(b) berkhidmat selama 1 tahun dengan gaji paling tinggi di bawah sekatan kecekapan; dan</p> | |
| <p>(c) mendapat Sijil Akuan dari Ketua Jabatan bahawa dari segi-prestasi kerja dan kelakuannya ia telah menunjukkan potensi</p> | |

untuk maju dalam perkhidmatan seterusnya,
adalah layak melangkah Sekatan Kecekapan.

- | | |
|--|--|
| <p>10. Pegawai Kanan Kebudayaan Belia dan Sukan Tingkatan Biasa yang telah:</p> <ul style="list-style-type: none">(a) disahkan dalam jawatan;(b) berkhidmat selama tidak kurang daripada 5 tahun dalam jawatan tersebut; dan(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan; | <p>KENAIKAN
PANGKAT
KE
TINGKATAN
KANAN</p> |
| <p>adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Kanan yang kosong.</p> | |
| <p>11. Pegawai Kanan Kebudayaan Belia dan Sukan Tingkatan Kanan yang telah berkhidmat tidak kurang daripada 2 tahun dalam jawatan tersebut adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Khas yang kosong.</p> | <p>KENAIKAN
PANGKAT
KE
TINGKATAN
KHAS</p> |
| <p>12. Pegawai Kanan Kebudayaan Belia dan Sukan Tingkatan Khas yang membuktikan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Tertinggi "G" yang kosong.</p> | <p>KENAIKAN
PANGKAT
KE
TINGKATAN
TERTINGGI
"G"</p> |
| <p>13. Pegawai Kanan Kebudayaan Belia dan Sukan Tingkatan Tertinggi "G" yang membuktikan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Tertinggi yang lebih tinggi yang kosong dalam Perkhidmatan Pegawai Kanan Kebudayaan Belia dan Sukan.</p> | <p>KENAIKAN
PANGKAT
KE
TINGKATAN
TERTINGGI
YANG
LEBIH TINGGI</p> |

LAMPIRAN 1 "D"

SKIM PERKHIDMATAN

PEGAWAI KANAN PEMBANGUNAN KOPERASI
(JABATAN PEMBANGUNAN KOPERASI)

TARIKH KUATKUASA: 1 hb Mei, 1981

KUMPULAN: "A"

Tingkatan	Tanggagaji
Tingkatan Biasa	A22: \$880 x 60-1,000/Sekatan Percubaan/ 1,120 x 60-1,360/Sekatan Kecekapan/ 1,480 x 60-1,840 x 100-2,140.
Tingkatan Kanan	A24: \$1,660 x 60-1,840 x 100-2,240.
Tingkatan Khas	A12: \$2,095 x 100-2,495.
Tingkatan Tertinggi "G"	A10: \$2,650 x 120-2,770.

- Calon-calon lantikan terus hendaklah berumur tidak melebihi UMUR 40 tahun. Calon-calon daripada pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap, termasuk mereka dalam percubaan hendaklah berumur tidak melebihi 50 tahun. UMUR
- Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: KELAYAKAN MASUK
 - Ijazah Sarjana Muda daripada Universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; ATAU
 - Ijazah Sarjana Muda Kepujian daripada Universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah \$1,000 sebulan);

(Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai Ijazah dalam bidang Pengajian Ekonomi, Perdagangan Bank atau Perakaunan); dan

- (b) Lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
3. Lantikan jika perlu dari masa ke semasa juga dibuka kepada Pegawai Pembangunan Koperasi sedang berkhidmat yang telah:
- (a) disahkan dalam jawatan;
- (b) berkhidmat selama tidak kurang daripada 5 tahun bagi mereka yang mempunyai Diploma dan 7 tahun bagi mereka yang mempunyai lain kelayakan.
4. Permohonan-permohonan bagi lantikan hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
5. Calon-calon yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam percubaan di antara 1 hingga 3 tahun.
6. Pegawai Kanan Pembangunan Koperasi boleh dikehendaki mengikuti kursus latihan seperti yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan.
7. Pegawai Kanan Pembangunan Koperasi dalam percubaan adalah dikehendaki lulus Peperiksaan Perkhidmatan dan Peperiksaan Am Kerajaan sebelum tamat tempoh percubaan.
8. Pegawai Kanan Pembangunan Koperasi yang telah:
- (a) menamatkan tempoh percubaan dengan memuaskan;
- (b) lulus semua peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan, adalah layak disahkan dalam jawatan.
9. Pegawai Kanan Pembangunan Koperasi yang telah:
- (a) disahkan dalam jawatan;
- PERLANTIKAN
PEGAWAI-
PEGAWAI
SEDANG
BERKHIDMAT
- PERMOHONAN
- TEMPOH
PERCUBAAN
- LATIHAN
- PEPERIKSAAN
- PENGESAHAN
DALAM JAWATAN
- SEKATAN
KECEKAPAN

- (b) berkhidmat selama 1 tahun dengan gaji paling tinggi di bawah sekatan kecekapan; dan
- (c) mendapat Sijil Akaun dari Ketua Jabatan bahawa dari segi perestasi kerja dan kelakuannya ia telah menunjukkan potensi untuk maju dalam perkhidmatan seterusnya,

adalah layak melangkah sekatan kecekapan.

- | | | |
|-----|---|--|
| 10. | <p>Pegawai Kanan Pembangunan Koperasi Tingkatan Biasa yang telah:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) disahkan dalam jawatan; (b) berkhidmat selama tidak kurang daripada 5 tahun dalam jawatan tersebut; dan (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan; <p>adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Kanan yang kosong.</p> | <p>KENAIKAN
PANGKAT
KE
TINGKATAN
KANAN</p> |
| 11. | <p>Pegawai Kanan Pembangunan Koperasi Tingkatan Kanan yang telah berkhidmat tidak kurang daripada 2 tahun dalam jawatan tersebut adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Khas yang kosong.</p> | <p>KENAIKAN
PANGKAT
KE
TINGKATAN
TERTINGGI</p> |
| 12. | <p>Pegawai Kanan Pembangunan Koperasi Tingkatan Khas yang membuktikan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Tertinggi "G" yang kosong.</p> | <p>KENAIKAN
PANGKAT
KE
TINGKATAN
TERTINGGI
"G"</p> |
| 13. | <p>Pegawai Kanan Pembangunan Koperasi Tingkatan Tertinggi "G" yang membuktikan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Tertinggi yang lebih tinggi yang kosong dalam Perkhidmatan Pegawai Kanan Pembangunan Koperasi.</p> | <p>KENAIKAN
PANGKAT
KE
TINGKATAN
TERTINGGI
YANG
LEBIH
TINGGI</p> |

mukasurat 18

LAMPIRAN 1 "E"

SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI KANAN PENERBITAN FILEM
(KEMENTERIAN PENERANGAN)

TARIKH KUATKUASA: 1 hb Mei, 1981

KUMPULAN: "A"

Tingkatan	Tanggungaji
Tingkatan Biasa	A22: \$880 x 60-1,000/Sekatan Percubaan/ 1,120x 60-1,360/Sekatan Kecekapan/ 1,480 x 60-1,840 x 100-2,140.
Tingkatan Kanan	A24: \$1,660 x 60-1,840 x 100-2,240.
Tingkatan Khas	A12: \$2,095 x 100-2,495.
Tingkatan Tertinggi "G"	A10: \$2,650 x 120-2,770.

1. Calon-calun lantikan terus hendaklah berumur tidak melebihi UMUR 40 tahun. Calon-calun daripada pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap, termasuk mereka dalam percubaan hendaklah berumur tidak melebihi 50 tahun. **UMUR**
2. Calon-calun bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: **KELAYAKAN MASUK**
 - (a) (i) Ijazah Sarjana Muda daripada Universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; ATAU
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian daripada Universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah \$1,000 sebulan); dan

- (b) Lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
3. Lantikan dari masa ke semasa juga dibuka kepada Pegawai Penerbitan Filem sedang berkhidmat yang telah:
- PERLANTIKAN
PEGAWAI-PEGAWAI
SEDANG
BERKHIDMAT
- (a) disahkan dalam jawatan;
- (b) berkhidmat selama tidak kurang daripada 5 tahun bagi mereka yang mem-
- punyai Diploma dan 7 tahun bagi mereka Yang mempunyai lain kelayakan.
4. Permohonan-permohonan bagi lantikan hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. PERMOHONAN
5. Calon-calon yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam percubaan di antara 1 hingga 3 tahun. TEMPOH PERCUBAAN
6. Pegawai Kanan Penerbitan Filem boleh dikehendaki mengikuti kursus latihan seperti yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan. LATIHAN
7. Pegawai Kanan Penerbitan Filem dalam percubaan adalah dikehendaki lulus Peperiksaan Perkhidmatan dan Peperiksaan Am Kerajaan sebelum tamat tempoh percubaan. PEPERIKSAAN
8. Pegawai Kanan Penerbitan Filem yang telah:
- PENGESAHAN
DALAM
JAWATAN
- (a) menamatkan tempoh percubaan dengan memuaskan;
- (b) lulus semua peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan,
- adalah layak disahkan dalam jawatan.
9. Pegawai Kanan Penerbitan Filem yang telah: SEKATAN

- | | |
|--|---|
| <p>(a) disahkan dalam jawatan;</p> <p>(b) berkhidmat selama 1 tahun dengan gaji paling tinggi di bawah sekatan kecekapan; dan</p> <p>(c) mendapat Sijil Akuan dari Ketua Jabatan bahawa dari segi prestasi kerja dan kelakuannya ia telah menunjukkan potensi untuk maju dalam perkhidmatan seterusnya,</p> <p>adalah layak melangkah sekatan kecekapan.</p> | <p>KECEKAPAN</p> |
| <p>10. Pegawai Kanan Penerbitan Filem Tingkatan Biasa yang telah:</p> <p>(a) disahkan dalam jawatan;</p> <p>(b) berkhidmat selama tidak kurang daripada 5 tahun dalam jawatan tersebut; dan</p> <p>(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan;</p> <p>adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Kanan yang kosong.</p> | <p>KENAIKAN
PANGKAT
KE TINGKATAN
KANAN</p> |
| <p>11. Pegawai Kanan Penerbitan Filem Tingkatan Kanan yang telah berkhidmat tidak kurang daripada 2 tahun dalam jawatan tersebut adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Khas yang kosong.</p> | <p>KENAIKAN
PANGKAT
KE
TINGKATAN
KHAS</p> |
| <p>12. Pegawai Kanan Penerbitan Filem Tingkatan Khas yang membuktikan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Tertinggi "G" yang kosong.</p> | <p>KENAIKAN
PANGKAT
KE
TINGKATAN
TERTINGGI
"G"</p> |
| <p>13. Pegawai Kanan Penerbitan Filem Tingkatan Tertinggi "G" yang membuktikan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Tertinggi yang lebih tinggi yang kosong dalam Perkhidmatan Pegawai Kanan Penerbitan Filem.</p> | <p>KENAIKAN
PANGKAT
KE
TINGKATAN
TERTINGGI
YANG
LEBIH</p> |

TINGGI

LAMPIRAN 1 "F"

SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI KANAN PERHUBUNGAN AWAM
(KEMENTERIAN PENERANGAN)

TARIKH KUATKUASA: 1 hb September,
1979

KUMPULAN "A"

Tingkatan	Tanggagaji
Tingkatan Biasa	A22: \$880 x 60-1,000/Sekatan Percubaan/ 1,120 x 60 - 1,360/Sekatan Kecekapan/ 1,480 x 60-1,840 x 100-2,140.
Tingkatan Kanan	A24: \$1,660 x 60-1,840 x 100-2,240.
Tingkatan Khas	A12: \$2,095 x 100-2,495.
Tingkatan Tertinggi "G"	A10: \$2,650 x 120-2,770.

1. Calon-calun lantikan terus hendaklah berumur tidak melebihi UMUR 40 tahun. Calon-calun daripada pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap, termasuk mereka dalam percubaan hendaklah berumur tidak melebihi 50 tahun. UMUR
2. Calon-calun bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti KELAYAKAN MASUK berikut:
 - (a) (i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sebarang Am atau dalam bidang Kewartawanan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan: ATAU
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Sebarang Am atau dalam bidang Kewartawanan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji

permulaan ialah \$1,000 sebulan); dan

- (b) Lulus Bahawa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
3. Lantikan dari masa ke semasa juga dibuka kepada Pegawai Perhubungan Awam sedang berkhidmat yang telah:
- (a) disahkan dalam jawatan;
- (b) berkhidmat selama tidak kurang daripada 5 tahun bagi mereka yang mempunyai Diploma dan 7 tahun bagi mereka yang mempunyai lain kelayakan.
4. Permohonan-permohonan bagi lantikan hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
5. Calon-calon yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam percubaan di antara 1 hingga 3 tahun.
6. Pegawai Kanan Perhubungan Awam boleh dikehendaki mengikuti kursus latihan seperti yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan.
7. Pegawai Kanan Perhubungan Awam dalam percubaan adalah dikehendaki lulus Peperiksaan Perkhidmatan dan Peperiksaan Am Kerajaan sebelum tamat tempoh percubaan.
8. Pegawai Kanan Perhubungan Awam yang telah:
- (a) menamatkan tempoh percubaan dengan memuaskan;
- (b) lulus semua peperiksaan yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan, adalah layak disahkan dalam jawatan.
9. Pegawai Kanan Perhubungan Awam yang telah:
- PERLANTIKAN
PEGAWAI-
PEGAWAI
SEDANG
BERKHIDMAT
- PERMOHONAN
- TEMPOH
PERCUBAAN
- LATIHAN
- PEPERIKSAAN
- PENGESAHAN
DALAM JAWATAN
- SEKATAN
KECEKAPAN

- (a) disahkan dalam jawatan;
- (b) berkhidmat selama 1 tahun dengan gaji paling tinggi di bawah sekatan kecekapan; dan
- (c) mendapat Sijil Akuan dari Ketua Jabatan bahawa dari segi prestasi kerja dan kelakuannya ia, telah menunjukkan potensi untuk maju dalam perkhidmatan seterusnya,

adalah layak melangkah sekatan kecekapan.

10. Pegawai Kanan Perhubungan Awam Tingkatan Biasa yang telah:

- (a) disahkan dalam jawatan;
- (b) berkhidmat selama tidak kurang daripada 5 tahun dalam jawatan tersebut; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan;

adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Kanan yang kosong.

KENAIKAN
PANGKAT
KE TINGKATAN
KANAN

11. Pegawai Kanan Perhubungan Awam Tingkatan Kanan yang telah berkhidmat tidak kurang daripada 2 tahun dalam jawatan tersebut adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat

ke jawatan Tingkatan Khas yang kosong.

KENAIKAN
PANGKAT
KE TINGKATAN

KHAS

12. Pegawai Kanan Perhubungan Awam Tingkatan Khas yang membuktikan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan- tertinggi "G" yang kosong.

KENAIKAN
PANGKAT
KE
TINGKATAN
TERTINGGI "G"

13. Pegawai Kanan Perhubungan Awam Tingkatan-tertinggi "G" yang membuktikan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan-tertinggi yang lebih tinggi yang kosong dalam perkhidmatan pegawai Kanan Perhubungan Awam.

KENAIKAN
PANGKAT
KE TINGKATAN
TERTINGGI
YANG
LEBIH TINGGI

LAMPIRAN 1 "G"

SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI TURUS KANAN
(JABATAN PERTAHANAN AWAM)

TARIKH KUATKUASA: 1 hb Mei,
1981

KUMPULAN: "A"

Tingkatan	Tanggagaji
Tingkatan Biasa	A22: \$880 x 60-1,000/Sekatan Percubaan/ 1,120 x 60-1,360/Sekatan Kecekapan/ 1,480 x 60-1,840 x 100-2,140.
Tingkatan Kanan	A24: \$1,660 x 60-1,840 x 100-2,240.
Tingkatan Khas	A12: \$2,095 x 100-2,495.
Tingkatan Tertinggi "G"	A10: \$2,650 x 120-2,770.

- Calon-calon lantikan terus hendaklah berumur tidak melebihi UMUR 40 tahun. Calon-calon daripada pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap, termasuk mereka dalam percubaan hendaklah berumur tidak melebihi 50 tahun. **UMUR**
- Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: **KELAYAKAN MASUK**
 - (i) Ijazah Sarjana Muda daripada Universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; ATAU
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian daripada Universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah \$1,000 sebulan); dan
- Lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan

yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Lantikan dari masa ke semasa juga dibuka kepada Pegawai Turus sedang berkhidmat yang telah:

PERLANTIKAN
PEGAWAI-PEGAWAI
SEDANG
BERKHIDMAT

 - (a) disahkan dalam jawatan;
 - (b) berkhidmat selama tidak kurang daripada 5 tahun bagi mereka yang mempunyai Diploma dan 7 tahun bagi mereka yang mempunyai lain kelayakan.
4. Permohonan-permohonan bagi lantikan hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

PERMOHONAN
5. Calon-calon yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam percubaan di antara 1 hingga 3 tahun.

TEMPOH
PERCUBAAN
6. Pegawai Turus Kanan boleh dikehendaki mengikuti kursus latihan seperti yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan.

LATIHAN
7. Pegawai Turus Kanan dalam percubaan adalah dikehendaki lulus Peperiksaan Perkhidmatan dan Peperiksaan Am Kerajaan sebelum tamat tempoh percubaan.

PEPERIKSAAN
8. Pegawai Turus Kanan yang telah:

PENGESAHAN
DALAM JAWATAN

 - (a) menamatkan tempoh percubaan dengan memuaskan;
 - (b) lulus semua peperiksaan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan,

adalah layak disahkan dalam jawatan.
9. Pegawai Turus Kanan yang telah:

SEKATAN
KECEKAPAN

 - (a) disahkan dalam jawatan;
 - (b) berkhidmat selama 1 tahun dengan gaji paling tinggi di bawah sekatan kecekapan; dan

- (c) mendapat Sijil Akuan dari Ketua Jabatan bahawa dari segi prestasi kerja dan kelakuannya ia telah menunjukkan potensi untuk maju dalam perkhidmatan seterusnya,

10. Pegawai Turus Kanan Tingkatan Biasa yang telah:

KENAIKAN
PANGKAT
KE TINGKATAN
KANAN

- (a) disahkan dalam jawatan;
- (b) berkhidmat selama tidak kurang daripada 5 tahun dalam jawatan tersebut; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan;

adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Kanan yang kosong.

11. Pegawai Turus Kanan Tingkatan Kanan yang telah berkhidmat tidak kurang daripada 2 tahun Dalam jawatan tersebut adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Khas yang kosong.

KENAIKAN
PANGKAT
PANGKAT KE
TINGKATAN
KHAS

12. Pegawai Turus Kanan Tingkatan Khas yang membuktikan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Tertinggi

KENAIKAN
PANGKAT
KE
TINGKATAN

"G" yang kosong.

TERTINGGI
"G"

13. Pegawai Turus Kanan Tingkatan Tertinggi "G" yang membuktikan kebolehan. yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Tertinggi yang lebih tinggi yang kosong dalam perkhidmatan Pegawai Turus Kanan.

KENAIKAN
PANGKAT
KE
TINGKATAN
TERTINGGI
YANG
LEBIH TINGGI

LAMPIRAN 1 "H"

SKIM PERKHIDMATAN

PENGUASA KASTAM

(JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DI RAJA MALAYSIA)

TARIKH KUATKUASA: 1hb Mei,
1981

KUMPULAN: "A"

Tingkatan		Tanggagaji
Penguasa Kastam	A22:	\$880 x 60-1,000/Sekatan Percubaan/ 1,120x 60-1,360/Sekatan Kecekapan/ 1,480 x 60-1,840 x 100-2,140.
Penguasa Kastam Kanan	A24:	\$1,660 x 60-1,840 x 100-2,240.
Penolong Pengarah Kastam	A12:	\$2,095 x 100-2,495.
Penolong Kanan Pengarah Kastam	A10:	\$2,650 x 120-2,770.

- Calon-calon lantikan terus hendaklah berumur tidak melebihi UMUR 40 tahun. Calon-calon daripada pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap, termasuk mereka dalam percubaan hendaklah berumur tidak melebihi 50 tahun.
- Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: **KELAYAKAN MASUK**
 - (i) Ijazah Sarjana Muda daripada Universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; ATAU
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian daripada Universiti-universiti tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah \$1,000 sebulan); dan
- (b) Lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan)

pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- | | | |
|----|---|-----------------------------|
| 3. | Lantikan dari masa ke semasa juga dibuka kepada Penolong Penguasa Kastam sedang ber- | PERLANTIKAN
PEGAWAI |
| | khidmat yang telah: | SEDANG
BERKHIDMAT |
| | (a) disahkan dalam jawatan; | |
| | (b) berkhidmat selama tidak kurang daripada 5 tahun bagi mereka yang mempunyai Diploma dan 7 tahun bagi mereka yang mempunyai lain kelayakan. | |
| 4. | Permohonan-permohonan bagi lantikan hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. | PERMOHONAN |
| 5. | Calon-calon yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam percubaan di antara 1 hingga 3 tahun. | TEMPOH
PERCUBAAN |
| 6. | Penguasa Kastam boleh dikehendaki mengikuti kursus latihan seperti yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan. | LANTIKAN |
| 7. | Penguasa Kastam dalam percubaan adalah dikehendaki lulus Peperiksaan Perkhidmatan dan Peperiksaan Am Kerajaan sebelum tamat tempoh percubaan. | PEPERIKSAAN |
| 8. | Penguasa Kastam yang telah: | PENGESAHAN
DALAM JAWATAN |
| | (a) menamatkan tempoh percubaan dengan memuaskan; | |
| | (b) lulus semua peperiksaan yang ditetapkan; dan | |
| | (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan, | |
| | adalah layak disahkan dalam jawatan. | |
| 9. | Penguasa Kastam yang telah: | SEKATAN
KECEKAPAN |
| | (a) disahkan dalam jawatan; | |

- (b) berkhidmat selama 1 tahun dengan gaji paling tinggi di bawah sekatan kecekapan; dan
- (c) mendapat Sijil Akuan dari Ketua Jabatan bahawa dari segi prestasi kerja dan kelakuannya ia telah menunjukkan potensi untuk maju dalam perkhidmatan seterusnya,

adalah layak melangkah sekatan kecekapan

- | | | |
|-----|---|---|
| 10. | Penguasa Kastam Tingkatan biasa yang telah: | KENAIKAN |
| | (a) disahkan dalam jawatan; | PANGKAT
KE |
| | (b) berkhidmat selama tidak kurang daripada 5 tahun dalam jawatan tersebut; dan | TINGKATAN
KANAN |
| | (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan; | |
| | adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Kanan yang kosong. | |
| 11. | Penguasa Kastam Tingkatan Kanan yang telah berkhidmat tidak kurang daripada 2 tahun dalam jawatan tersebut adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Khas yang kosong. | KENAIKAN
PANGKAT
KE
TINGKATAN
KHAS |
| 12. | Penguasa Kastam Tingkatan Khas yang membuktikan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan-tertinggi "G" yang kosong. | KENAIKAN
KE
TINGKATAN
TERTINGGI"G" |
| 13. | Penguasa Kastam Tingkatan-tertinggi "G" yang membuktikan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan-tertinggi yang lebih tinggi yang kosong dalam Perkhidmatan Penguasa Kastam. | KENAIKAN
PANGKAT
KE
TINGKATAN
TERTINGGI
YANG
LEBIH TINGGI |

LAMPIRAN 1 "I"

SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI PERKHIDMATAN POS
(JABATAN PERKHIDMATAN POS)

TARIKH KUATKUASA: 1 hb Mei,
1981

KUMPULAN: "A"

Tingkatan	Tanggagaji
